
	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	06/SFP/NRA/V7	22.08.2023	1/3

1. Syarat Kemasukan

- 1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**
- 1.3. Pilihan 1:
 - a) Minimum Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)*; **DAN**
 - b) Telah melengkapkan kursus Penaksir Risiko Bising (NRA) anjuran *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* atau Pusat Pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); **DAN**
 - c) Bermula 1 Januari 2024, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **SATU (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

ATAU
- 1.4. Pilihan 2:
 - a) Minimum Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA.
- 1.5. Pilihan 3:
 - a) Diiktiraf sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board Industrial Hygiene (ABIH)* atau badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising		
	No. Dokumen 06/SFP/NRA/V7	Tarikh 22.08.2023	Muka Surat 2/3

2. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	50	1 jam	50%	60%	RM200
	B	Soalan Esei	4	1 jam	50%		
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan	Pembentangan	10 minit	-	60%	RM200
			Sesi soal & jawab	20 minit			
3	-	<i>Noise Sampling Skill</i>	-	45 minit	-	100%	RM200
						JUMLAH	RM700

NOTA:

*Kertas 2

- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penaksir Risiko Bising		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	06/SFP/NRA/V7	22.08.2023	3/3

3. Bahasa

- 3.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 3.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

4. Peperiksaan Ulangan

- 4.1. Bermula 1 Januari 2024, tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 4.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus NRA semula.

5. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat
Jawatankuasa Kompetensi Penaksir Risiko Bising
Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)
NIOSH